



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM TAHUN 2024 MENYOKONG PELAKSANAAN SSPA DI BAWAH PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Putrajaya, 6 November 2024 – Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam Tahun 2024 dengan tema “**Memacu Budaya Kerja Berprestasi Tinggi**” telah berlangsung hari ini dengan penyertaan seramai 1,000 orang dari kalangan pengurus dan pegawai yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia di Kementerian/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Persidangan ini berpandukan **dua objektif** iaitu **meningkatkan pengetahuan dan pendedahan** mengenai pengurusan sumber manusia sektor awam dalam kalangan pengurus & personal sumber manusia dan **memupuk kesedaran** kepada para pengurus sumber manusia tentang isu-isu yang sering dihadapi oleh sektor awam dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia serta cara mengatasinya.

Dalam majlis ini, YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) telah **merasmikan persidangan dan seterusnya melancarkan Pelan Pembangunan Profesional Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)** yang juga merupakan **satu garis panduan berstruktur**.

Pelan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan untuk membangunkan pegawai awam yang lebih kompeten, bermotivasi serta mempunyai nilai-nilai yang positif, selari dengan aspirasi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baharu dilancarkan.

Bersesuaian dengan konsep persidangan, satu forum yang membincangkan tajuk "Memacu Budaya Kerja Berprestasi Tinggi" telah diadakan dengan tiga orang panel jemputan seperti berikut:

Panel 1 : YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Panel 2 : YBhg. Dato' Mohd Khalis Abdul Rahim

Ketua Pegawai Modal Insan,
Malaysia Aviation Group (MAG)

Panel 3 : YBhg. Datuk (Dr) Nora Manaf

Mantan Ketua Pegawai Modal Insan,
Maybank

Dua orang panel dari luar perkhidmatan awam tersebut telah dijemput khas bagi berkongsi pandangan dan cadangan yang boleh dijadikan suntikan idea ke arah memantapkan pengurusan sumber manusia awam, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan dan pengekalan bakat, dan pengurusan organisasi yang lebih kejut.

Selain daripada forum itu, terdapat **empat (4) sesi Bicara Perkhidmatan Awam** yang disusun pada sebelah petang merangkumi topik-topik **Pengurusan Bakat, Kemampanan Saraan, Pembangunan Organisasi dan Pembangunan Modal Insan**. Sesi ini diaturkan khususnya untuk memberi penjelasan berkaitan isu-isu yang timbul diperingkat pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada pengurus sumber manusia Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 6 November 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.3 (83)